

12 OCT 1998

Abdullah-Pembelot

KEMENTERIAN LUAR KAJI TINDAKAN TERHADAP PEMBELOT NEGARA

KUALA LUMPUR, 12 Okt (Bernama) -- Kementerian Luar Negeri sedang mengkaji tindakan undang-undang yang boleh diambil terhadap "pembelot negara" yang mengecam pemimpin dan memburuk-burukkan Malaysia di luar negara.

Menterinya, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata, pegawai undang-undang kementerian itu kini sedang mengkaji sejauh mana tindakan bekas Ketua Pemuda Pulau Pinang Dr Abdul Rahim Ghouse dan bekas Penolong Setiausaha Pergerakan Pemuda Umno Saifuddin Nasution di luar negara menyalahi undang-undang.

"Pegawai undang-undang kita sedang mengkaji sejauh mana tindakan mereka itu menyalahi undang-undang tertentu, sama ada di bawah (Akta) hasutan atau lain-lain," katanya kepada pemberita selepas menghadiri majlis menanda tangani perjanjian kerjasama dua hala antara Malaysia dan Swaziland di Jabatan Perdana Menteri di sini, hari ini.

Beliau mengulas tindakan Abdul Rahim dan Saifuddin yang mengecam Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan memburuk-burukkan Malaysia, berikutan pemecatan bekas Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim dari kabinet dan Umno kerana tuduhan rasuah dan salah laku moral.

Abdullah berkata, kedutaan-kedutaan Malaysia di Filipina, Thailand dan Indonesia, yang dikunjungi secara berasingan oleh kedua-dua bekas pemimpin Pemuda itu, telah bertindak mengawasi kegiatan mereka di sana.

Rahim dikatakan kini berada di Indonesia manakala Saifuddin dikatakan berada di Thailand.

Abdullah mengulangi jaminannya bahawa perbuatan mereka itu tidak sedikitpun menjejaskan kepentingan negara.

Sebaliknya, kata beliau, duta Malaysia di negara terbabit telah diminta bertemu dengan ketua-ketua kerajaan dan badan bukan kerajaan yang ditemui Rahim dan Saifuddin untuk menjelaskan kedudukan sebenar perkara.

Ketika diminta mengulas mengenai panggilan telefon yang diterima oleh Hakim Mahkamah Tinggi Datuk S. Augustin Paul, yang akan mendengar perbicaraan empat kes rasuah terhadap Anwar, yang kononnya daripada seorang senator Amerika Syarikat, Abdullah berkata: "Ini adalah satu contoh gangguan yang kita tidak dapat terima".

"Perbuatan seumpama itu merupakan bentuk campurtangan seolah-olah kita tidak memahami dan tidak dapat menjalankan undang-undang kita dengan baik," tambahnya.

Paul, yang telahpun membuat laporan polis berhubung panggilan telefon itu berkata, pemanggil berkenaan memintanya memastikan perbicaraan itu berjalan dengan adil dan "akan memerhatikan beliau" apabila perbicaraan itu bermula pada 2 Nov ini.

-- BERNAMA

RA WAT